

TEKS UCAPAN YDP

MUESYARAT PENUH FEBRUARI 2016

Yang Berbahagia Dato' Hj Suhami bin Khalid
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En LioKwangMeng
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisham Bin Said
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Kota Tinggi
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan
Barisan Ex Oficiodan
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Sungguh riang Si Anak Pekan
Mengayuh sampan sambil berdendang
Syair disebut nada terbilang
Selamat datang saya ucapkan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera
dan
Salam Muafakat Johor

1. Peluang besar itu bertebaran. Tapi ia hanya menanti orang-orang yang terpercaya. Amanah-amah besar hanya sesuai diberikan kepada orang-orang yang berjiwa besar dan apa yang pasti dan yakin didepan saya ini merupakan mereka-mereka yang berjiwa besar. Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan dalam mesyuarat ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Barisan Ahli-Ahli Majlis MDKT Sessi 2016/2018.

2. Sebelum saya masuk kepada skop yang lebih besar lagi, untuk kali ini biarlah saya mulakan dengan ringkasan program-program yang melibatkan MDKT sepanjang bulan Februari. Alhamdulilah seawal Februari telah berlangsung Program Jelajah JDT Peringkat Daerah Kota Tinggi telah di adakan di Kipmart dan mendapat sambutan yang baik dari masyarakat Kota Tinggi. Sehari selepas itu pula Kaum Tiong Hua telah merayakan Sambutan Tahun Baru Cina.
3. Pada 16 hingga 17 Februari 2016, Seminar NBOS Halatuju perancangan dan pelan tindakan perlaksanaan NBOS telah diadakan di Hotel City Bayview Melaka. Pelbagai penambahan maklumat diperolehi dan akan dijadikan panduan untuk MDKT.

***Permaisuri selalu mencemar Duli,
Menziarahi rakyat bantuan diberi;
Rakyat gembira tiada terperi,
Kebaikan Permaisuri lekat di hati.***

4. Keberangkatan Tuanku Permaisuri Johor mencemar duli ke Daerah Kota Tinggi bertempat di Johor lama dan Dataran Telok Sengat pada 29hb Februari. Ianya merupakan penghormatan buat seluruh masyarakat Kota Tinggi. Semoga segala persiapan yang dirangcang berjalan lancar. Saya amat-amat berharap agar Ketua-Ketua Jabatan yang terlibat bersiap sedia sepenuhnya dengan segala persiapan.

Para Ahli Mesyuarat sekalian,

5. Pada 4hb Februari yang lalu satu Majlis Amanat Meneteri Besar 2016 telah di adakan di Persada Johor. Penekanan utama telah di berikan dan yang pasti Johor Berkemajuan iaitu Semangat, Pemikiran, Nilai, Sikap Dan Orientasi Kita Sentiasa Menjurus Kepada Masa Depan merupakan tumpuan utama beliau bagi memastikan Negeri Johor Pesat Membangun bukan hanya dari sudut politik tetapi juga melalui pembangunan pesat Modal Insan.

***Mawar berduri pinggiran kubur,
Anak kancil mengeja rangsa;
Nilai murni dipupuk subur,
Dari kecil hingga dewasa***

6. Selain itu beliau juga menekankan betapa penting kita member focus untuk Mewujudkan Kondisi Dan Persekutaran Yang Lebih Baik Dalam Kehidupan Material Dan Sisi Rohani Bangsa. Kita sebagai salah satu PBT tidak lagi hanya berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan semata, tetapi berfungsi sebagai katalis kepada pembangunan setempat yang akhirnya akan menentukan kemajuan keseluruhan kawasan. Ini merupakan salah satu amanah besar yang diberikan kepada kita untuk kita laksanakan. Ingatlah bahawa Memulakan pekerjaan adalah sunnah, sedangkan memeliharanya adalah wajib
7. Penekanan yang ketiga ialah beliau berpendapat bahawa sudah tiba masanya Johor menerima dan memerlukan naratif baru dalam Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Sekarang ini pun, sudah banyak petunjuk ekonomi semasa mengunjurkan dengan jelas bahawa kedudukan ekonomi Malaysia tidak akan begitu memberangsangkan. Apa Jua Yang Kita Rencanakan Mesti Melihat Perspektif Global. Pemikiran maju harus mengambil kira sorotan lensa global. Spektrum dunia kita tidak berhenti di sempadan Johor Darul Takzim. Kita hidup dalam lingkungan yang sangat bersifat antarabangsa. Apa jua yang kita lakukan akan menarik perhatian seluruh negara, malah dunia.
8. Untuk Memastikan Johor Berkemajuan kita harus memastikan bahawa ianya bermula dari Daerah kita sendiri. Gagasan Kota Tinggi Berkemajuan harus di angkat menjadi Agenda Utama kita pada tahun ini.

*Dahan melantur tersekah luruh,
Jatuh di perdu menimpa batu;
Biar Guntur menghambur geruh,
Semangat Muafakat Johor terus bersatu.*

9. Dalam ucapan YB Dato Latif Bandi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula beliau lebih menumpukan pada tindakan dan cara kerja Pihak Berkuasa Tempat di Johor dalam menjadikan PBT di Johor adalah yang terbaik di Negara ini.

- 10.Untuk mencapai matlamat tersebut peningkatanservis, inovasi dalam perkhidmatan, penglibatan yang menyeluruh dan kecekapan pengurusan adalah elemen yang sangat penting agar matlamat Merakyatkan PBT tercapai. Justeru, sebagai sebahagian daripada system pentadbiran pihak berkuasa tempatan, ahli majlis yang juga merupakan pengubal dasar, memainkan peranan yang cukup signifikan di dalam membentuk kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Saya menyeru dan meminta agar Ahli-ahli majlis perlu berani di dalam memberikan idea dan cadangan yang praktikal di dalam meningkatkan lagi tahap kompetensi PBTterutama MDKT.
- 11.Golongan Netizen hari ini jelas amat mudah untuk menilai usaha-usaha PBT. Kita tidak boleh lagi berada dalam takuk lama mengurus sebuah Bandar dengan cara tradisional dan menyelesaikan isu dengan kaedah yang tidak relevan lagi.
- 12.Para hadirin sekalian, jadikanlah tahun 2016 sebagai permulaan kebangkitan kita semua, pikullah amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan sepenuh hati, Hindarkan sifat tamak, hasad dengki yang akhirnya merugikan kita semua. Bertekadlah agar MDKT akan terus relevan dan menjadi tempat utama masyarakat Kota Tinggi untuk bergantung harap.
- 13.Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Yang takut gagal, kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua. Ayuh semua kita perkukuhkan barisan, rapatkan persefahaman dan yang penting hindarkan pemikiran yang boleh merosakan barisan kita. Alang-alang genggam bara, biar sampai jadi arang, alang-alang seluk perkasam biar sampai kepengkal lengan. Semoga kita semua akan sentiasa diberkati dan di bawah perlindungan Allah SWT.

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan,

WabilahitaufikWalhidayah, Wassalamualaikum

Warohmatullahiwabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan
Salam Sejahtera.